

Peranan Wanita Terhadap Keluarga dalam Konteks Islam dan Budaya Melayu

Abstrak

Atikel ini membincangkan isu peranan wanita dalam menyeimbangkan antara keluarga dan kerjayanya baik dari sudut tuntutan Islam atau budaya Melayu yang masih ada kerelevanan dan keperluannya pada masa kini. Islam membenarkan wanita bekerjaya di luar rumah dengan syarat mereka memelihara tugas asasi mereka sebagai individu penting di dalam keluarga sama ada berstatus seorang anak, isteri atau ibu. Manakala di luar rumah, mereka hendaklah menjaga adab dan syarat wanita Islam untuk tujuan memelihara kehormatan dan kedudukan serta sumbangan mereka diambil kira sebagai ibadah. Wanita berkerjaya juga menghadapi cabaran dalam mengharungi keluarga dan kerjaya. Oleh itu, beberapa persediaan dari segi rohani, mental dan fizikal perlu dihadapankan dan diperkukuhkan oleh wanita agar mereka dapat memberi sumbangan yang terbaik dan bermanfaat kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Hakikatnya, wanita seiringan dengan kaum lelaki mempunyai peranan dan tanggungjawab tersendiri dan saling sokong menyokong agar kemajuan dalam segala aspek tercapai. Sekiranya wanita memahami peranan sebenar dalam kehidupan, pastinya dilema kehidupan tidak akan timbul bahkan mereka sentiasa mencari peluang untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pihak yang memerlukan.

Kata Kunci : Wanita berkerjaya, Keluarga, Islam, Budaya Melayu